



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**MPOB LANCAR PROJEK RINTIS PENGGUNAAN BIODIESEL SAWIT
B20 BAGI KENDERAAN PERKHIDMATAN DARAT KLIA**

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalinkan kerjasama selama 18 bulan, sejak Februari 2025 dalam melaksanakan projek rintis penggunaan biodiesel sawit B20 bagi kenderaan perkhidmatan darat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
2. Jalinan kerjasama ini melibatkan MPOB bersama-sama Petronas Dagangan Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), dan Syarikat Teras Kembang Sendirian Berhad bagi pelaksanaan penggunaan biodiesel berasaskan sawit B20 bagi kenderaan dan jentera perkhidmatan darat (Ground Service Equipment - GSE).
3. Kerjasama MPOB dengan ketiga-tiga syarikat tersebut yang masing-masing berperanan sebagai pembekal biodiesel B20, pengoperasi lapangan terbang dan pengurus stesen minyak yang menjual B20 di KLIA dilihat telah melengkapkan keseluruhan rangkaian bekalan biobahan api bagi jentera perkhidmatan darat di KLIA.
4. Ketika ini, sebanyak lima (5) buah syarikat GSE telah menunjukkan minat untuk menyertai projek rintis tersebut, dengan unjuran penggunaan biodiesel hijau B20 sebanyak 40,000 liter sebulan yang menyumbang kepada pengurangan sehingga 13 peratus pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersamaan 105 tan karbon dioksida setara (CO₂e) setahun berbanding minyak diesel konvensional.
5. Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) telah menetapkan matlamat untuk mencapai pelepasan karbon neutral bagi pengendali syarikat penerbangan antarabangsa menjelang 2050 berbanding tahap pelepasan karbon pada tahun 2021.

6. Selari dengan usaha ini, KPK menerusi MPOB telah giat memperkenalkan tenaga hijau boleh diperbaharui seperti biodiesel sawit sebagai salah satu langkah mitigasi yang bermatlamat untuk memberi penekanan kepada pengurangan pelepasan karbon dalam sektor penerbangan.
7. Kementerian juga telah menetapkan sasaran penggunaan biodiesel sawit B30 di sektor pengangkutan menjelang tahun 2030, yang juga merupakan salah satu indikator dalam Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030).
8. Kajian kitar hayat biodiesel juga menunjukkan pengurangan sehingga 70 peratus pelepasan GHG berbanding diesel konvensional. Bahkan, biodiesel merupakan bahan api bebas sulfur yang mampu mengurangkan 100 tan sulfur dalam atmosfera setiap tahun untuk program B20.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
29 MEI 2025



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

MEDIA RELEASE

**MPOB LAUNCHES PILOT PROJECT FOR B20 PALM BIODIESEL USE
IN KLIA GROUND SERVICE VEHICLES**

1. The Ministry of Plantation and Commodities (KPK), through the Malaysian Palm Oil Board (MPOB), has established an 18 month collaboration since February 2025 to implement a pilot project on the use of B20 palm based biodiesel for ground service vehicles at Kuala Lumpur International Airport (KLIA).
2. This collaboration involves MPOB working together with Petronas Dagangan Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), and Teras Kembang Sdn Bhd to implement the use of B20 palm biodiesel for ground service equipment (GSE) vehicles and machinery.
3. The cooperation between MPOB and the three companies, each acting as the B20 biodiesel supplier, airport operator, and petrol station manager supplying B20 fuel at KLIA, it has completed the entire biofuel supply chain for ground service machinery at the airport.
4. At present, five (5) GSE companies have expressed interest in participating in the pilot project, with a projected green B20 biodiesel usage of 40,000 litres per month. This contributes to a reduction of up to 13 percent in greenhouse gas (GHG) emissions, equivalent to 105 tonnes of carbon dioxide equivalent (CO₂e) annually compared to conventional diesel.
5. The International Civil Aviation Organization (ICAO) has set a goal of achieving carbon neutral growth for international airline operators by 2050, based on 2021 carbon emission levels.
6. In line with this effort, KPK through MPOB has actively introduced renewable green energy sources such as palm biodiesel as a mitigation measure focused on reducing carbon emissions in the aviation sector.
7. The Ministry has also set a target for the use of B30 palm biodiesel in the transportation sector by 2030, which is also one of the key performance indicators under the National Agricommodity Policy 2021-2030 (DAKN2030).
8. Life cycle studies on biodiesel also show a reduction of up to 70 percent in GHG emissions compared to conventional diesel. In fact, biodiesel is a sulphur free fuel, capable of reducing up to 100 tonnes of sulfur in the atmosphere annually under the B20 program.